

15 AUG 2000

Mahkamah-Anwar (Rayuan)/I

MAHKAMAH RAYUAN TANGGUH PENGHAKIMAN TERHADAP SAMAN MALU ANWAR

KUALA LUMPUR, 15 Ogos (Bernama) -- Mahkamah Rayuan hari ini menangguhkan penghakiman sama ada untuk membenarkan rayuan Datuk Seri Anwar Ibrahim terhadap keputusan Mahkamah Tinggi membatalkan saman malu RM100 jutanya terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Panel tiga hakim yang diketuai Datuk Ahmad Fairuz Sheikh Abdul Halim, Datuk Mokhtar Sidin dan Denis Ong Siew Fook memutuskan untuk menangguhkan penghakiman selepas mendengar penghujahan peguam Anwar, Karpal Singh dan peguam Dr Mahathir Datuk Mohamed Adnan Shuaib.

Menurut mahkamah itu ia akan memberitahu pihak yang terlibat mengenai tarikh keputusan dibuat dan mahkamah akan memberikan satu penghakiman bertulis.

Pada 30 Ogos tahun lepas, Hakim Mahkamah Tinggi Datuk Dr R.K. Nathan membatalkan saman malu berkas timbalan perdana menteri itu dengan kos selepas membenarkan permohonan Dr Mahathir supaya saman itu dibatalkan.

Hakim membatalkan saman itu atas alasan bahawa ia adalah remeh, menyakitkan hati dan menyalahgunakan proses mahkamah.

Anwar memfailkan samannya pada 25 Jan tahun lepas, mendakwa bahawa Perdana Menteri telah bercakap bohong dan berniat jahat kepada wartawan tempatan dan asing pada sidang beritanya yang diadakan di Jabatan Perdana Menteri dengan mendakwa dia (Anwar) telah melakukan perbuatan yang tidak bermoral.

Anwar mendakwa bahawa Dr Mahathir mengucapkan perkataan itu dengan mengetahui bahawa ia akan disiarkan di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Dalam kenyataan pembelaan yang difailkan pada 22 Mac tahun lepas, Dr Mahathir menegaskan bahawa beliau mengucapkan perkataan-perkataan itu sebagai perdana menteri dengan perlindungan bersyarat.

Katanya perkataan itu disiarkan semasa membincangkan perkara berkaitan dengan kerajaan dan politik yang membabitkan Anwar bersabit dengan kesesuaiannya untuk memegang jawatan yang disandangnya dan selepas siasatan dan penyiasatan sewajarnya dijalankan mengenai perkara itu.

Anwar dalam balasannya berkata pembelaan perlindungan bersyarat tidak terbuka kepada perdana menteri kerana beliau berniat jahat dengan mengucapkan kata-kata penghinaan itu untuk diterbitkan dan diterbitkan semula.

Selain ganti rugi, faedah dan kos, Anwar juga memohon injunksi untuk menghalang Dr Mahathir daripada terus mengulangi perkataan-perkataan itu.

Terdahulu, Karpal Singh berhujah bahawa Nathan silap dalam membatalkan saman Anwar tanpa mengadakan prosiding perbicaraan kerana terdapat pelbagai isu berkaitan yang boleh dibicarakan.

Katanya Anwar patut diberi peluang didengar di mahkamah dan memanggil saksi-saksinya dan peluang yang sama juga patut diberikan kepada Dr Mahathir bagi memastikan kebenaran dalam dakwaan liwat terhadap Anwar.

Karpal Singh berkata Nathan silap kerana memutuskan bahawa Dr Mahathir mempunyai justifikasi dalam membuat kenyataan yang didakwa fitnah itu semata-mata berdasarkan tuduhan, pengakuan dan fakta yang diterima daripada pihak ketiga Sukma Darmawan Sasmitaat Madja and Dr Munawar Ahmad Anees.

Sukma, adik angkat Anwar dan Munawar, bekas penulis ucapan Anwar masing-masing dijatuhkan hukuman penjara enam bulan oleh Mahkamah Sesyen yang berlainan pada 19 Sept 1998 kerana membenarkan Anwar meliwat mereka.

Karpal Singh berkata pengakuan pihak ketiga (Sukma dan Dr Munawar) tidak membuktikan penglibatan pihak yang satu lagi (Anwar) dalam kesalahan itu dan menegaskan bahawa mahkamah tidak mempunyai pensabitan dan penerimaan fakta Anwar bagi kesalahan itu.

Karpal Singh berkata justifikasi pembelaan tidak boleh bergantung kepada pengakuan orang yang sudah disabitkan kerana kewibawaan mereka masih

perlu diperiksa oleh mahkamah.

Katanya apa yang boleh dijadikan justifikasi ialah pengakuan orang itu sendiri, dengan menegaskan bahawa pensabitan Sukma dan Dr Munawar tidak mencukupi untuk menjustifikasikan dakwaan terhadap Anwar.

Beliau berkata Dr Mahathir bergantung kepada apa yang diberitahu kepada beliau oleh polis, dan maklumat polis itu dianggap sebagai bukti dengar cakap.

Mengenai keputusan Nathan bahawa Dr Mahathir menuturkan kata-kata yang didakwa fitnah itu atas perlindungan bersyarat, Karpal Singh berkata Dr Mahathir bertindak dengan niat jahat kerana beliau bercakap semasa Anwar telahpun ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Sementara itu, peguam Mohamed Adnan berhujah bahawa tidak berlaku kesilapan oleh hakim dalam membatalkan saman Anwar terhadap Perdana Menteri.

"Apa yang diambilkira oleh hakim ialah secara keseluruhannya fakta yang disebutkan oleh responden (Dr Mahathir) kepada pemberita pada 22 Sept 1998 adalah pandangan dan dari segi faktanya betul," katanya.

Mohamed Adnan berkata dalam memutuskan isu itu, Nathan telah secara betul mengingatkan dirinya bahawa kata-kata yang dituturkan oleh Dr Mahathir hendaklah ditafsirkan dan dipastikan dalam konteks yang diucapkan.

Mengenai pembelaan terhadap perlindungan bersyarat, Mohamed Adnan berkata tidak wujud niat jahat di pihak Dr Mahathir kerana Perdana Menteri mempunyai hak untuk menjawab serangan Anwar terhadap beliau, Umno, kerajaan, pasukan polis dan Peguam Negara, dan kesemua serangan itu telah diberikan publisiti meluas.

Katanya Dr Mahathir mempunyai justifikasi terhadap fakta dan pandangannya semasa beliau membuat kenyataan yang didakwa fitnah itu.

Mohamed Adnan berkata: "Responden (Dr Mahathir) mempunyai tanggungjawab dari segi moral, sosial dan undang-undang untuk membuat kenyataan itu berdasarkan kedudukan responden sebagai ketua eksekutif kerajaan.

Katanya adalah menjadi tanggungjawab Dr Mahathir untuk memberi penjelasan kepada orang ramai berhubung pemecatan Anwar daripada jawatannya kerana perkara itu mempunyai kepentingan orang ramai.

Katanya asas kesalahan Sukma dan Dr Munawar disabitkan menunjukkan penyertaan langsung di pihak Anwar dan pensabitan mereka adalah muktamad.

-- BERNAMA

JA AZZ RON